

Kementerian berkaitan jawab dakwaan Dr. M

KUALA LUMPUR 12 Jun - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata semua penjelasan mengenai dakwaan yang dibuat bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad akan dijawab oleh kementerian berkaitan.

Perdana Menteri berkata, semua jawapan itu akan dijawab dengan terperinci.

"Hal itu akan dijawab, tetapi ia akan dijawab oleh kementerian berkenaan, bukan saya," kata beliau menurut Penolong Setiausaha Akhbarinya, Wan Esuriyanti Wan Ahmad kepada Bernama, di sini malam ini.

Menurut Wan Esuriyanti, Perdana Menteri mahu menjelaskan satu kenyataan yang dibuat oleh anggota Parlimen Johor Baharu, Datuk Shahrir Abdul Samad yang dilaporkan berkata bahawa biarlah Abdullah melaksanakan proses penjelasan itu kepada orang ramai mengenai kritikan tersebut.

Shahrir membuat ulasan itu setelah beliau dan sekumpulan anggota Parlimen dan senator mengunjungi Abdullah dalam satu mesyuarat tertutup hari ini untuk melahirkan sokongan mereka terhadap kepimpinan Perdana Menteri.

Sebelum ini, Dr. Mahathir meminta penjelasan mengenai beberapa perkara antaranya kebanyakan AP dikeluarkan kepada dua orang yang tidak mempunyai bilik pameran kereta dan kedua-duanya menjual AP dengan harga yang tinggi, menjadikan mereka sangat kaya dan tidak terlibat dengan perniagaan lain selain menjual AP.

Beliau juga mempersoalkan penjualan saham MV Agusta dan membatalkan projek jambatan kedua ke Singapura menggantikan Tambak Johor.

Terdahulu, sekumpulan 78 anggota Dewan Negara dan Dewan Rakyat daripada

UMNO mengadakan pertemuan tertutup dengan Abdullah petang ini bagi menyatakan sokongan mereka terhadap kepimpinan Perdana Menteri.

Pertemuan selama kira-kira sejam bermula pada kira-kira pukul 4.35 petang itu berlangsung di Kementerian Keselamatan Dalam Negeri di sini dan turut dihadiri Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamad Nazri Abdul Aziz.

- **Bernama**